



Buku 100 Tahun JTKSM



Kembara Kerjaya Johor



Bantuan Bencana Banjir



Joint Task Force
Malaysia - Bangladesh

19

EDISI KHAS : POTRET PERBURUHAN

JTKSM @ Bulletin

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA ● KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



PELANCARAN ePPA SUB MODUL MAJIKAN ONLINE

Majlis pelancaran ePPA Sub Modul Majikan Online di Dewan Serbaguna KSM.

Dari kiri : Dato' Romli bin Haji Hassan, Encik Mohd. Jeffrey bin Joakim, YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib dan YBhg. Dato' Saripuddin bin Kasim.

“ Sistem ePPA akan mempercepat dan mempertingkatkan kecekapan pengurusan permohonan Sijil JobsMalaysia ”

Putrajaya, 31 Oktober - Perasmian pelancaran ePPA Sub Modul Majikan Online oleh Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem telah diadakan di Dewan Serbaguna KSM. Signifikan pembangunan ePPA ini adalah untuk memberi kemudahan kepada majikan dalam memohon untuk mengajukan pekerja asing secara atas talian.

Pelancaran tersebut merupakan suatu inisiatif untuk menggalakkan majikan menggunakan sistem atas talian dengan memudahkan urusan permohonan secara mudah, cepat dan percuma.

(Berita selanjutnya di muka surat 15)



SIDANG REDAKSI

Penaung

Encik Mohd. Jeffrey bin Joakim

Penasihat

Encik Asri bin Abd Rahman

Ketua Editor

Encik Aminuddin bin Ab. Rahaman

Editor

Cik Yasmin binti Ramli

Puan Fadzilah binti Hassan

Penyelaras

Puan Zaini binti Bahron Mohamed

Ahli

Cik Munira Balkis binti Mohd Bakri

Encik Muhammad Irsyad bin Redzuran

Puan Muji binti Hassim

Cik Nurul Faizah binti Ab. Ghani

Puan Junaidah binti Tukiman

Encik Mohd Faizal bin Mohammad

Encik Mohd Ridzuan bin Mohamad Johari

Encik Arman Syahlan bin Mohd Anuar

Puan Sujeeta Dillon binti Mohd Fauzan Dillon

Encik Mohd Khairul Bakri bin Abdul Ghani

Encik Mohd Nazri bin Ahmad Sabar

Cik Tuan Sharifah Rohana binti Tuan Yusoff

Cik Nur Aina Asyaha binti Manan

Cik Suraya binti Sulaiman

Wartawan / Jurugambar

Encik Mahadi bin Kasdi

Puan Fauziah binti Abdullah

Encik Muhammad Hapis bin Hj. Abas

Cik Nurul Amni binti Ishak

PENERBIT

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Aras 5, Blok D3, Kompleks D

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62530 Putrajaya

Tel: 03-8886 5192

Faksimili: 03-8889 2368

Laman web: <http://jtksm.mohr.gov.my>

BERSAMA MEREALISASIKAN HASRAT JABATAN

Assalamualaikum w.b.t

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Seiring dengan hasrat untuk mempertingkatkan penulisan dan penerbitan Jabatan, maka diterbitkan JTKSM @Buletin (Edisi Khas) yang bertujuan mewujudkan satu saluran perkongsian dan penyebaran informasi bukan sahaja di peringkat Jabatan malah di peringkat masyarakat amnya.

Penerbitan JTKSM @Buletin (Edisi Khas) yang pertama pada tahun 2015 adalah sebagai sorotan merakam peristiwa dan program yang melibatkan JTKSM serta pencapaian gemilang JTKSM sepanjang tahun 2014.

Saya bagi pihak Sidang Redaksi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua warga kerja JTKSM atas sokongan dan kerjasama dalam usaha menerbitkan buletin ini.

Selamat menyambut tahun 2015. Semoga lembaran baru membawa kecemerlangan.

Aminuddin bin Ab. Rahaman

Ketua Editor

KANDUNGAN

Muka Surat

Dari Meja Ketua Editor

2

Perutusan Ketua Pengarah
Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

3

POTRET PERBURUHAN :

- JTKSM @Potret Gemilang 4
- JTKSM @Potret Pengiktirafan 12
- JTKSM @Potret Inovasi 15
- JTKSM @Potret Sosial 16
- JTKSM @Potret Antarabangsa 19

Sidang Editor JTKSM@ Buletin mengalu-alukan sumbangan rencana, laporan, pendapat dan ulasan untuk dipertimbangkan penerbitannya. Semua surat-menyerat hendaklah di alamatkan kepada:

Sidang Editor

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Aras 5, Blok D3, Kompleks D

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62530 Putrajaya

Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia



KERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISME ADALAH BUDAYA KERJA KITA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli Sidang Redaksi dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menghasilkan JTKSM @Buletin (Edisi Khas) yang pertama kali diterbitkan pada tahun 2015.

Kewujudan Buletin ini sememangnya tepat pada masanya seiring dengan usianya yang kini menjangkau seabad. JTKSM telah melalui pelbagai pengalaman dan cabaran dalam menggalas tanggungjawab sebagai pendokong utama pentadbiran perburuhan Negara.

Melalui penerbitan seperti ini, adalah diharapkan agar semua warga kerja JTKSM dapat mengimbau kembali pengalaman semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dan seterusnya menjadi cerminan kejayaan pada masa akan datang

Saya yakin dan percaya sokongan, kerjasama dan semangat kerja berpasukan yang ditunjukkan dalam penerbitan ini akan juga direalisasikan dalam pelaksanaan tugas sehari-hari. Sesungguhnya, Kerja Berpasukan dan Profesionalisme adalah budaya kerja kita. Ianya akan terus menjadi teras di atas komitmen dan iltizam JTKSM dalam menghadapi tahun 2015.

Akhir kata, semoga usaha yang murni ini akan diteruskan dengan liputan maklumat dan sumbangan karya yang lebih menarik untuk tatapan semua warga kerja JTKSM.

MOHD. JEFFREY BIN JOAKIM
Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

PENULISAN KAJIAN TRANSFORMASI PERBURUHAN 100 TAHUN JTKSM

“ Pendokumentasian ini bertujuan untuk menzahirkan penghargaan kepada JTKSM sebagai salah sebuah institusi tertua yang memastikan kestabilan perhubungan perusahaan di Negara ini terjamin dan berkembang mengikut peredaran masa. ”

Mohd Khairil Hisham, perunding kajian sedang menyampaikan ceramahnya semasa Bengkel Pemantapan Penulisan Kajian Transformasi Perburuhan 100 Tahun JTKSM Siri 1/2014 (25 hingga 27 Jun 2014) di Langkawi, Kedah.

Putrajaya, 31 Disember - Penulisan Kajian Transformasi Perburuhan 100 Tahun JTKSM ini memaparkan sejarah institusi buruh yang memaparkan evolusi sistem pentadbiran perburuhan sejak zaman kolonial hingga sekarang yang telah melangkaui lebih dari 100 tahun.

Pendokumentasian ini bertujuan untuk menzahirkan penghargaan kepada JTKSM sebagai salah sebuah institusi tertua yang memastikan kestabilan perhubungan

perusahaan di Negara ini terjamin dan berkembang mengikut peredaran masa.

Di samping itu, masyarakat dapat menghayati, memahami dan menyelusuri transformasi JTKSM serta menjelaskan perubahan halatuju perburuhan nasional di peringkat dalam Negara dan antarabangsa.

Hasil kajian ini bakal dilancarkan berkonsepkan “Coffee Table” pada bulan Januari 2015.



Antara bahan-bahan rujukan yang digunakan di dalam penghasilan kajian.



Temubual bersama Dato' Hj. Ismail bin Hj. Abdul Rahim, mantan Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.



Sesi perbincangan penulisan kajian semasa Bengkel Pemantapan Penulisan Kajian Transformasi Perburuhan 100 Tahun JTKSM Siri 2/2014 (23 hingga 25 September 2014) di Cameron Highlands, Pahang.



JTKSM@JobsMalaysia

Cyberjaya, 31 Disember - Karnival Kerjaya JobsMalaysia & AZAM Kerja 1Malaysia adalah satu program yang menghimpun dan menemukan majikan dan pencari kerja termasuk golongan miskin yang berdaftar dalam eKasih. Program ini telah diadakan di seluruh Malaysia, yang bertujuan menyediakan wadah setempat kepada majikan dan pencari kerja dalam memenuhi keperluan industri dan pekerjaan. Melalui program

sebegini, pencari kerja dan bakat tempatan dapat dimanfaat sepenuhnya dalam mengisi peluang pekerjaan yang wujud hasil daripada kerancakan ekonomi yang dipacu oleh syarikat-syarikat tempatan dan pelabur luar negara. Sebanyak 122 Karnival Kerjaya telah dilaksanakan di seluruh Malaysia sepanjang 2014 dengan penempatan seramai lebih 28 ribu pencari kerja.

▲ Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia bersama Pengarah Perkhidmatan Pekerjaan mengiringi Timbalan Menteri Sumber Manusia melawat booth majikan di Karnival Pekerjaan dan Kemahiran pada 23 September 2014 di Pengkalan Kubor, Kelantan.



▲ Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia menyerahkan kit JobsMalaysia kepada majikan di Karnival Pekerjaan AZAM Kerja 1Malaysia pada 20 & 21 September 2014 di Penang Times Square, Georgetown, Pulau Pinang.

KARNIVAL KERJAYA JOBSMALAYSIA & AZAM KERJA 1MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2014

“Tujuan penganjuran program ini adalah bagi mempromosikan perkhidmatan JobsMalaysia dan menjadi pusat khidmat setempat”



Majlis persamuan Karnival Kerjaya JobsMalaysia

Kuala Lumpur, 5 September - Bertempat di Mid Valley Exhibition Center (MVEC) Kuala Lumpur dari 5 hingga 7 September 2014 telah diadakan Karnival Kerjaya JobsMalaysia & AZAM Kerja 1Malaysia Peringkat Kebangsaan 2014. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Romli bin Haji Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Sumber Manusia mewakili YB Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Program ini telah mendapat sambutan menggalakkkan dengan penyertaan majikan lebih daripada 100 syarikat yang menawarkan pelbagai kekosongan jawatan. Program ini juga telah dikunjungi oleh lebih 40 ribu pengunjung.

Antara tujuan penganjuran program ini adalah bagi mempromosikan perkhidmatan JobsMalaysia dan menjadi pusat khidmat setempat (one




Petugas sibuk melayani pengunjung Karnival Kerjaya JobsMalaysia

stop center) bagi menemukan pencari kerja dan majikan.

Program ini dipenuhi dengan pelbagai aktiviti berkaitan kerjaya seperti pendaftaran pencari kerja secara *online*, temu duga terbuka, khidmat nasihat kerjaya, khidmat nasihat undang-undang perburuhan, taklimat kerjaya dan peluang-peluang keusahawanan dan jana pendapatan.

KEMBARA KERJAYA JOHOR



Johor, 25 September - Program ini telah diadakan buat pertama kali di Malaysia berbentuk 'konvoi' yang bergerak dari satu destinasi ke satunya lagi bagi membawa peluang dan maklumat berkenaan pembangunan di negeri Johor serta pendedahan beberapa maklumat penting daripada agensi berkaitan yang perlu diketahui oleh rakyat Johor.

Konvoi ini berlangsung selama 4 hari berturut-turut dari 25 hingga 28 September 2014. Sebanyak 80 majikan menawarkan pelbagai bidang pekerjaan sepanjang program kembara kerjaya ini berlangsung.

Konvoi ini menjelajah 7 lokasi seluruh negeri Johor.

Jelajah kembara kerjaya bermula dari Kota Iskandar Nusajaya ke Dataran Bandar Penawar Kota Tinggi dan berakhir di IKBN Bandar Penawar Kota Tinggi.

Pada hari kedua jelajah bermula dari IKBN Bandar Penawar Kota Tinggi ke Dewan Sentuhan Kasih Tenggaroh 3 Mersing dan berakhir di Politeknik Mersing.

Pada hari ketiga jelajah bermula dari Politeknik Mersing ke Dewan Sri Lambak Kluang serta dari Dewan Sri Lambak Kluang ke Dewan Parit Sulong Batu Pahat dan berakhir di IKBN Pagoh Muar.

Pada hari keempat jelajah bermula dari IKBN Pagoh Muar ke Dataran Dato' Jalok

“Konvoi ini berlangsung selama 4 hari berturut-turut dari 25 hingga 28 September 2014. Sebanyak 80 majikan menawarkan pelbagai bidang pekerjaan sepanjang program kembara kerjaya ini berlangsung.”



Konvoi bergerak dalam keadaan terkawal

Pontian dan berakhir di Danga Bay Johor Bahru.

Penyertaan peserta dari Agensi Kerajaan: Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor, *JobsMalaysia Johor*, *Iskandar Regional Development Authority*, Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Selatan, *Johor Petroleum Development Corporation*, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor, Jabatan Pertahanan Awam



Konvoi Kembara Kerjaya Johor bermula



Ketua Pengarah Tenaga Kerja memberi kata-kata perangsang kepada peserta

Malaysia. Penyertaan agensi nilai tambah seperti Tekun Nasional, MARA dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad.

Penyertaan peserta dari majikan : Johor Corporation dan Desaru Coast. Manakala penyertaan peserta konvoi dari IPT dan Pusat Latihan ialah Institut Kemahiran Belia Negara Bandar Penawar, Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kolej Komuniti Segamat, Angguh Kasih, Chennai Beauty Parlour, Institute Hospitality and Tourism Pandan, Institut Latihan Perindustrian Mersing.

Penyertaan peserta dari Pertubuhan Bukan Kerajaan: Kedai Rakyat 1 Malaysia, Johor Bikers dan Aman Palestine Johor.

Jumlah keseluruhan kenderaan yang mengikuti konvoi adalah sebanyak 25 buah motosikal berkuasa tinggi, 20 buah kenderaan SUV, 4 buah bas, 4 buah van dan 1 buah Trak Logistik.

Program kembara kerjaya ini telah mendapat sambutan yang baik daripada rakyat Negeri Johor kerana julung-julung kali diadakan.



Peserta menerima bantuan dalam Program 1 Pesara

PROGRAM 1 PESARA

Serdang, 23 September - Program 1Pesara adalah satu inisiatif terbaru Kerajaan untuk menjaga kebaikan pesara penjawat awam di bawah pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*) dan diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

JTKSM melalui Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan (JobsMalaysia) telah diperlantik untuk melaksanakan program dan penempatan di bawah Teras Panduan Bekerja Semula kepada golongan pesara awam yang berminat untuk bekerja semula. Pesara atau bakal pesara boleh mendaftar melalui laman sesawang JPA dan seterusnya profil mereka akan dipanjangkan oleh JPA kepada JobsMalaysia untuk padanan di dalam portal dan melalui program-program penempatan yang dijalankan di seluruh Malaysia.



Program 1Pesara Peringkat Kebangsaan anjuran JPA telah diadakan di MAEPS, pada 23 dan 24 September 2014 yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.



Sambutan yang sangat menggalakkan



Pesara dan bakal pesara mendapatkan khidmat nasihat daripada petugas



Lawatan turun padang ke premis penerima geran SBGP-OKU

Putrajaya, 31 Disember - Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) adalah salah satu golongan terpendam (*latent*) yang dilihat berpotensi untuk menceburi pasaran pekerjaan di negara ini. Oleh yang demikian, JTKSM telah menjalankan beberapa inisiatif yang memberi impak besar kepada peningkatan penyertaan OKU dalam pasaran kerja mahupun bekerja sendiri.

Melalui Geran Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU), mana-mana OKU yang mempunyai perniagaan dan telah beroperasi sekurang-kurangnya 3 bulan, adalah layak untuk memohon bantuan tersebut sekiranya mereka berhasrat untuk mengembangkan perniagaan. Geran tersebut mensyaratkan agar usahawan OKU yang dibantu dapat mengambil OKU lain bekerja dengannya hasil daripada pengembangan perniagaan mereka. Inisiatif ini dilihat berjaya meningkatkan penyertaan dan pengekalan kerja OKU dalam pasaran buruh.

SKIM BANTUAN GALAKAN PERNIAGAAN ORANG KURANG UPAYA (SBGP-OKU)

TAHUN 2007 - 2014

850 PENERIMA GERAN USAHAWAN OKU

714 PENEMPATAN PEKERJAAN OKU



Usahawan OKU bersama pekerja OKU memanfaatkan bantuan peralatan yang diterima melalui geran SBGP-OKU

SOKONGAN PEKERJAAN (JOB COACH) UNTUK ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Kuala Lumpur, 26 Ogos - JTKSM juga telah melatih pegawai kerajaan dan majikan swasta melalui Kursus Pengenalan Sokongan Pekerjaan (*Job Coach*). *Job Coach* bertindak selaku orang tengah (penghubung) di antara majikan swasta dan OKU perlu membuat penilaian terlebih dahulu terhadap keadaan di tempat kerja dan membuat analisa tugas harian OKU sebelum menempatkan mereka di tempat kerja.



Penyampaian Anugerah Majikan Aktif 'Job Coach'



Sehubungan itu, JTKSM telah menganjurkan Seminar Sokongan Pekerjaan Untuk OKU di Wisma PERKESO, Kuala Lumpur. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Mohd Sahar bin Darusman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa), Kementerian Sumber Manusia.

Seminar ini bertujuan sebagai langkah promosi dan pendedahan mengenai kewujudan inisiatif *Job Coach* kepada majikan swasta khasnya supaya iaanya berupaya meningkatkan bilangan penyertaan OKU di dalam pasaran kerja terbuka. Pada masa yang sama,

(Bersambung di muka surat 9)



Perasmian oleh Encik Mohd. Sahar bin Darusman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa), Kementerian Sumber Manusia (kiri) dan sesi ceramah oleh Mr. Peter Tan, Senior Disability Equality Training (DET) (kanan).

(Sambungan dari muka surat 8)

majikan swasta yang hadir akan mengetahui mengenai insentif dan bantuan yang layak mereka terima sekiranya menggaji OKU di syarikat mereka. Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 60 orang majikan swasta dan 103 pegawai daripada pelbagai Jabatan/Agenzi/Kementerian dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Melalui “Anugerah Majikan Aktif Job Coach” ini, diharapkan majikan-majikan swasta yang lain akan lebih komited dalam menggaji OKU di syarikat masing-masing.



Para peserta yang terdiri daripada majikan swasta dan pegawai Kerajaan memberi tumpuan pada penceramah



BEKALAN AIR AWAM DI ESTET (BAAE)



Putrajaya, 31 Disember - Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah dilantik selaku agensi pelaksana bagi merealisasikan projek bekalan air awam ke estet (BAAE) di seluruh Negara. Sejumlah RM50 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan kepada Kementerian Sumber Manusia bagi merealisasikannya.

Projek tersebut sedikit sebanyak dapat menarik minat lebih ramai pekerja tempatan bekerja di sektor ladang. Projek BAAE juga mampu meningkatkan kualiti dan taraf hidup pekerja estet dengan adanya bekalan air bersih daripada sumber awam.

Sehingga kini, projek BAAE telah memberi manfaat kepada 56 buah ladang yang melibatkan seramai 13,491 orang pekerja dan tanggungan mereka.

“Bagi pihak Syarikat Tradewinds Plantation Management Sdn Bhd dari Ladang Ulu Sebol B, Johor, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama dan sokongan pihak Jabatan Tenaga Kerja dalam menjayakan Projek Bekalan Air Awam di ladang ini.”

- Pengurus Syarikat Tradewinds Plantation Management Sdn Bhd



Lawatan kerja YBhg Dato’ Saripuddin bin Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia ke Ladang Ulu Sebol B bagi merasmikan Projek Bekalan Air Awam di ladang tersebut.

Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP) JKSMP



Anggota PKP menjalankan tugas dengan dedikasi

Putrajaya, 31 Disember - Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP) ditubuhkan bertujuan untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan ke atas aduan-aduan yang diterima bagi kes-kes ATIPSOM, Skuad Khidmat Cepat (SKC) di bawah undang-undang perburuhan dan yang memerlukan tindakan segera.

Modus operandi yang digunakan adalah melalui Operasi-operasi Penguatkuasaan (OPS) sebelum tindakan pendakwaan atau kompaun dikenakan ke atas majikan yang melanggar undang-undang perburuhan / ATIPSOM.

Sepanjang tahun 2014, sejumlah 1,559 operasi telah dijalankan. Antaranya seperti berikut :

OPS GAJI - Operasi penguatkuasaan pelaksanaan gaji minimum ke atas majikan sektor perkhidmatan dan peruncitan.

| Nama OPS | Tempat | Tarikh |
|--------------|---------------------------------|---------------|
| "OPS Gaji 1" | Shah Alam, Selangor | 5 Mac 2014 |
| "OPS Gaji 2" | Seberang Jaya, Pulau Pinang | 13 Mac 2014 |
| "OPS Gaji 3" | Kuala Lumpur | 14 April 2014 |
| "OPS Gaji 4" | Seremban, Negeri Sembilan | 23 April 2014 |
| "OPS Gaji 5" | Bandar Melaka, Melaka | 8 Mei 2014 |
| "OPS Gaji 6" | Kangar, Perlis | 20 Mei 2014 |
| "OPS Gaji 7" | Johor | 29 Mei 2014 |
| "OPS Gaji 8" | Kuala Terengganu, Terengganu | 15 Jun 2014 |
| "OPS Gaji 9" | Kota Bharu, Kelantan | 17 Jun 2014 |

OPS ELEKTRONIK – Operasi penguatkuasaan pelaksanaan gaji minimum ke atas majikan sektor elektrik dan elektronik.

| Nama OPS | Tempat | Tarikh |
|--------------------|----------------------|-----------------|
| "OPS Elektronik 1" | Kuala Lumpur | 23 Sep. 2014 |
| "OPS Elektronik 2" | Seremban | 2 - 3 Okt. 2014 |
| "OPS Elektronik 3" | Kangar, Perlis | 13 Okt. 2014 |
| "OPS Elektronik 4" | Sungai Petani, Kedah | 14 Okt. 2014 |
| "OPS Elektronik 5" | Kuantan, Pahang | 27 Okt. 2014 |



Anggota PKP sedang menjalankan tugas

“ Modus operandi yang digunakan adalah melalui Operasi-operasi Penguatkuasaan (OPS) sebelum tindakan pendakwaan atau kompaun dikenakan ke atas majikan yang melanggar undang-undang perburuhan. ”



Anggota PKP sedang menjalankan pemeriksaan

OPERASI ATIPSOM - Operasi ATIPSOM (Antipemerdagangan Orang & Antipenyeludupan Migran) merupakan operasi penguatkuasaan oleh PKP JTKSM bersama agensi-agensi penguatkuasa yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

OPS SAYANG - Operasi Bersepadu PKP JTKSM, PERKESO, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Cawangan Kawalselia & Penguatkuasaan (CKSP) KSM ke atas majikan sektor perkhidmatan dan perlilangan.

| Nama OPS | Tempat | Tarikh |
|--------------|--------------|------------------|
| OPS Sayang 1 | Kuala Lumpur | 4 November 2014 |
| OPS Sayang 2 | Selangor | 5 November 2014 |
| OPS Sayang 3 | Johor | 25 November 2014 |



Anggota PKP sedang menjalankan siasatan

OPERASI BERSEPADU KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM) - Telah diadakan pada 9 Disember 2014 melibatkan KSM, JTKSM dan JIM Putrajaya.

Operasi PKP ini akan berterusan tanpa mengira sektor bagi memupuk kesedaran di kalangan majikan mengenai undang-undang perburuhan.

| Nama OPS | Tempat | Tarikh |
|-------------------------|--------------------------------|-------------------|
| OPS APS1 bersama PDRM | Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur | 10 Jan. 2014 |
| OPS Saloon bersama PDRM | Muar, Johor | 28 Jan. 2014 |
| OPS APS2 bersama PDRM | Shah Alam, Selangor | 17 Feb. 2014 |
| OPS UNHCR bersama JIM | Putrajaya di Kajang, Selangor | 4 April 2014 |
| OPS Maid | Negeri Sembilan | 5 Jun 2014 |
| OPS Pintas bersama PDRM | Pulau Pinang | 23 - 24 Ogos 2014 |
| OPS PATI Bersama JIM | Senawang, Negeri Sembilan | 25 Sept. 2014 |
| OPS Cuci | Melaka | 12 - 13 Nov. 2014 |



Operasi bersepadu yang dijalankan


PENSIJILAN MS ISO 9001:2008 JTKSM : PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN ADUAN MENGENAI PELANGGARAN AKTA KERJA 1955

Putrajaya, 31 Disember - MS ISO 9001:2008 adalah satu standard bertulis yang menetap dan menyenaraikan elemen-elemen asas yang perlu ada dalam sistem kualiti sesebuah organisasi bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat memenuhi kehendak pelanggar.

Melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil.2/1996, Kerajaan telah memutuskan sudah tiba masanya untuk agensi-agensi Kerajaan mengamalkan satu sistem pengurusan kualiti yang universal dan berlandaskan kepada standard yang diiktiraf diperingkat antarabangsa.

JTKSM menyahut cabaran dengan melaksanakan ISO melalui Pengurusan Dan Pengendalian Aduan Mengenai Pelanggaran Akta Kerja 1955. Hasil usaha yang berterusan, JTKSM telah mencapai pengiktirafan melalui persijilan: MS ISO 9001:2008. Kursus Pengenalan Kepada ISO versi 2015 oleh SIRIM Bhd., akan akan dianjurkan supaya dapat memberikan pendedahan awal mengenai versi terbaru itu.

“JTKSM menyahut cabaran dengan melaksanakan ISO melalui Pengurusan Dan Pengendalian Aduan Mengenai Pelanggaran Akta Kerja 1955 dan telah mendapat pengiktirafan.”



PENGIKTIRAFAN 5 BINTANG LAMAN WEB JTKSM

Putrajaya, 31 Disember - Status penilaian 5 bintang hasil nilai Multimedia Development Corporation (MDEC) dari bulan Januari 2013 hingga April 2013, laman web rasmi JTKSM diiktiraf sebagai menarik dan berinformatif, menawarkan pelbagai opsyen kepada para pelayar meliputi interaksi, mesra pengguna beserta kemudahan pelbagai perkhidmatan atas talian.

Syabas kepada semua pihak yang menggerakkan pengiktirafan 5 bintang khususnya Jawatankuasa Laman Web JTKSM.



MENAIKTARAF LAMAN WEB JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan sistem penyampaian maklumat mengenai jabatan kepada pelanggan, JTKSM telah mengambil inisiatif untuk menaiktaraf laman web rasmi JTKSM yang sedia ada kepada versi Joomla 3.0.

Laman web yang telah diberi Penarafan 5 Bintang oleh MDEC, mendorong semangat warga JTKSM untuk menambahbaik laman web bagi memudahkan orang ramai mendapatkan informasi mengenai fungsi JTKSM sebagai agensi yang menguruskan isu-isu perburuhan, makluman penting daripada jabatan dan juga melihat program/aktiviti yang akan dan telah dilaksanakan oleh JTKSM.

Penambahbaikan Laman Web yang dilakukan oleh JTKSM menunjukkan bahawa warga kerja JTKSM amat komited dalam mewujudkan sistem rangkaian tersusun kepada seluruh masyarakat dan agensi-agensi kerajaan yang lain selari dengan perkembangan teknologi maklumat.



Laman web yang telah dibuat penambahbaikan dijangka akan dapat menarik lebih ramai lagi pelanggan-pelanggan untuk menggunakan laman web ini kerana ianya lebih mudah dan mesra pelanggan.

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

“Tahniah dan syabas diucapkan kepada para pemenang di Konvensyen KIK 2014”

Peringkat JTKSM – Hotel Summit USJ,
16 hingga 18 September 2014



Naib Johan KIK – Kumpulan SMART, JTK Negeri Sembilan



Tempat Ketiga KIK – Kumpulan SEMPURNA, JTK Johor



Johan KIK – Kumpulan Qstreet, Bahagian Khidmat Pengurusan Ibu Pejabat, JTKSM

Peringkat KSM – Putrajaya, 30 Oktober 2014



NAIB JOHAN KONVENTSYEN KIK PERINGKAT KSM (Kategori Pengurusan): Kumpulan @Penang.com, JTK Pulau Pinang. Kumpulan ini juga pernah memenangi Naib Johan KIK peringkat JTKSM pada tahun 2013

ANUGERAH PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI) OLEH JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya, 31 Julai - Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) oleh Jabatan Audit Negara telah dilaksanakan pada bulan Julai 2014 di Ibu Pejabat JTKSM selama satu (1) bulan. Jabatan telah memperoleh pencapaian tertinggi iaitu 4 bintang dan akan menerima anugerah tersebut dalam satu majlis dengan Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Audit Negara pada tahun 2015.


ANUGERAH PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) TERBAIK OLEH BAHAGIAN AKAUN, KEMENTERIAN KEWANGAN, JABATAN AKAUNTAN NEGARA

Putrajaya, 10 Disember - JTKSM telah menerima Anugerah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Terbaik Tahun 2014 dalam satu sesi penganugerahan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada 10 Disember 2014. Penganugerahan tersebut diberi oleh Bahagian Akaun, Kementerian Kewangan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.



Encik Kamarul Ikram bin Abdul Halim (kiri) dari Unit Kewangan JTKSM menerima Sijil Penghargaan daripada pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

CARTA 3.4
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN BAGI TAHUN 2013



PERSIJILAN 5S DI JTK MELAKA

Melaka, 31 Disember - MPC Wilayah Selatan telah menganugerahkan persijilan 5S kepada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Melaka pada 31 Disember 2014. Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa 5S dan semua warga kerja JTK Melaka di atas komitmen untuk menjayakan KPI tersebut. Sejarah tercipta di JTK Melaka.






SISTEM e-MAHKAMAH BURUH (eLC)

Putrajaya, 31 Disember
Pembangunan satu sistem mahkamah buruh (*Labour Court*) iaitu Sistem e-Mahkamah Buruh (eLC) akan memudahkan urusan dan pelaksanaan tuntutan daripada pengadu ke atas gaji atau apa-apa faedah kewangan melalui satu sistem yang adil, cepat dan murah serta meningkatkan keupayaan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Ianya melibatkan keseluruhan proses Mahkamah Buruh bermula dari terimaan tuntutan, sehingga Perintah dan rayuan di Mahkamah Tinggi.

Sistem ini juga diintegrasikan dengan sistem sediada iaitu Pangkalan Data Pasaran Buruh (*Labour Market Database – LMD*). Sistem ini akan dilancarkan pada tahun 2015.



Antaramuka untuk menyemak maklumat kes antara pengadu dan defendan


SISTEM e-PERMOHONAN PEKERJA ASING (ePPA)

(Sambungan dari muka hadapan)

Sistem ePPA telahpun diwujudkan sejak Januari 2012 untuk mempercepat dan mempertingkatkan kecekapan pengurusan permohonan Sijil JobsMalaysia bagi tujuan pengiklanan jawatan kosong atau lebih dikenali sebagai JCS yang merupakan pra-syarat bagi majikan yang ingin menggajikan pekerja asing.

Penambahbaikan sistem ePPA dengan memuatkan Sub Modul Majikan Online membolehkan majikan mengakses sistem tersebut berbanding hanya pegawai Jabatan Tenaga Kerja sahaja yang boleh menggunakan sistem tersebut sebelum ini.

Majikan yang ingin menggunakan sistem ini bolehlah melayari <http://myhos.mohr.gov.my/PAMajikan>.



Antaramuka login ke Sistem ePPA

KEJOHANAN BOLING PIALA KETUA PENGARAH JTKSM

“ Tujuan utama diadakan kejohanan boling ini adalah untuk mewujudkan kerjasama tripartisme di antara majikan, pekerja dan JTKSM.”

Serdang, 18 April – Kejohanan Boling Piala Ketua Pengarah JTKSM anjuran Pertubuhan Kelab Kebajikan dan Sukan (KELAB KASIH) telah diadakan di The Mines, Serdang pada 18 April 2014.

Tujuan utama diadakan kejohanan boling ini adalah untuk mewujudkan kerjasama tripartisme di antara majikan, pekerja dan JTKSM. Sebanyak 13 majikan telah menyertai kejohanan tersebut.



Best Score Wanita - Syarikat Construction Labour Exchange Centre Berhad ‘(CLAB)



Johan pertandingan - Syarikat Ajinomoto (Malaysia) Sdn. Bhd.

KEJOHANAN KESTASIS



Gelagat para peserta dari JTKSM

Sabah, 20 Jun –Kejohanan Sukan Skim Perkhidmatan ‘S’ (KESTASIS) Kementerian Sumber Manusia telah diadakan buat julung kalinya di ILP Kota Kinabalu, Sabah mulai 20 hingga 22 Jun 2014.

Kejohanan KESTASIS kali ke-4 ini telah disertai oleh 500 pegawai dan kakitangan di bawah Skim ‘S’ iaitu dari Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung Malaysia, JTK Sabah, JTK Sarawak, Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP), Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) dan Mahkamah Perusahaan (MP).



Pasukan bola jaring yang mengambil bahagian



Penyampaian hadiah kepada pemenang

PERSARAAN PEGAWAI

1 Encik Mohd. Jeffrey bin Joakim menyampaikan cenderahati sebagai tanda penghargaan kepada Encik Khamis bin A.R. Majid, mantan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Pembangunan).



1



3

2 Ucapan perpisahan daripada Encik Khamis bin A.R. Majid pada 4 Ogos 2014 di Dewan Serbaguna KSM



2

3 YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia merasmikan Majlis Jasamu Dikenang di Kuala Lumpur pada 2 Disember 2014.



4

4 Antara pegawai JTKSM yang diraikan di Majlis Jasamu Dikenang.

Selamat maju jaya dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada warga kerja JTKSM yang bersara sepanjang tahun 2014 seperti berikut :-

| BIL. | NAMA | GRED | TARIKH BERSARA | PEJABAT |
|------|---|-----------|----------------|----------------------|
| 1. | Encik Khamis bin A.R. Majid | S54 | 5.8.2014 | JTK Ibu Pejabat |
| 2. | Encik Chua Ah Ley | S48 | 25.2.2014 | JTK Negeri Sembilan |
| 3. | Encik Md Marzuki bin Ismail | S48 | 11.8.2014 | JTK Pahang |
| 4. | Encik Azmi bin Husin | S44 | 23.4.2014 | PTK Langkawi |
| 5. | Puan Nor'ashikin binti Mohd Isa | S44 | 15.7.2014 | JTK Ibu Pejabat |
| 6. | Puan Arminah binti Umam | S44 | 1.8.2014 | PTK Kluang |
| 7. | Puan Salmah binti Hassan | S41 | 1.5.2014 | PTK Muar |
| 8. | Encik Abd Aziz bin Abd Rahman | S38 | 2.5.2014 | JTK Terengganu |
| 9. | Encik Jasmi bin Mansor | S38 | 5.7.2014 | PTK Kuala Lumpur |
| 10. | Puan Hjh. Hamimun binti Husin | S32 | 17.7.2014 | JTK Ibu Pejabat |
| 11. | Puan Umi Salmah binti Mahali | S26 | 25.12.2014 | JTK Selangor |
| 12. | Encik Mohd Nor bin Omar | S22 (KUP) | 1.1.2014 | PTK Seremban |
| 13. | Puan Zaimah binti Mansor | S22 (KUP) | 3.2.2014 | PTK Kuala Terengganu |
| 14. | Puan Hasimah Yun binti Mohd Isa | S22 (KUP) | 14.7.2014 | PTK Kuala Kangsar |
| 15. | Encik Ruslan bin Sharif | N11 | 10.6.2014 | PTK Rawang |
| 16. | Encik Sulaiman bin Abdul Kadir | KP11 | 20.8.2014 | PTK Muar |
| 17. | Puan Radziah binti Mohammad | N36 | 9.1.2014 | JTK Perak |
| 18. | Puan Goh Guat Min | N22 (KUP) | 2.1.2014 | PTK Rawang |
| 19. | Puan Zaiton binti Ab Kadir | N22 | 19.1.2014 | JTK Kedah |
| 20. | Encik Syed Mohd Yusoff bin Syed Baharom | N22 (KUP) | 3.4.2014 | PTK Kuala Lumpur |
| 21. | Puan Raja Aloyah binti Raja Mohamad | N22 (KUP) | 9.5.2014 | PTK Bentong |
| 22. | Puan Normah binti Mat Piah | N22 (KUP) | 1.8.2014 | PTK Subang Jaya |
| 23. | Encik Ahmad Shalkawi bin Tain | N22 (KUP) | 5.10.2014 | PTK Ipoh |
| 24. | Puan Khatijah binti Abdullah | N17 | 31.3.2014 | PTK Kuantan |
| 25. | Puan Maimon binti Abd Rahman | N17 | 2.5.2014 | JTK Negeri Sembilan |
| 26. | Puan Asmah binti Md Yunus | N17 (KUP) | 1.7.2014 | PTK Rawang |
| 27. | Puan Habsah binti Mohd Tasir | N17 | 1.8.2014 | PTK Subang Jaya |
| 28. | Encik Rosli bin Yunos | N4 (KUP) | 1.1.2014 | JTK Kuala Lumpur |
| 29. | Encik Az Zahar bin Jamal | N4 (KUP) | 16.5.2014 | PTK Muar |
| 30. | Encik Selvasegeran a/l Rathinasamy | N4 (KUP) | 1.12.2014 | PTK Raub |
| 31. | Encik Ghaffar bin Awal | N4 (KUP) | 18.12.2014 | PTK Kluang |
| 32. | Encik Othman bin Mohd Ghouse | N3 | 17.12.2014 | PTK Port Klang |

PUSPANITA CAWANGAN KECIL JTKSM (BIRO LAWATAN)

Putrajaya, 24 Disember – Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Kecil JTKSM (Biro Lawatan) telah mengadakan Mesyuarat Tahunan kepada ahli-ahlinya. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBrs Puan Hamidah binti Idris, isteri Penaung PUSPANITA Cawangan Kecil JTKSM.

Pelbagai perancangan telah dicadangkan bagi memantapkan lagi PUSPANITA menjelang tahun 2015.



Penyampaian Sijil Perlantikan AJK baru sesi 2014/2016

BANTUAN BENCANA BANJIR



Bacaan doa sebelum Konvoi bermula

Putrajaya, 30 Disember – Bencana banjir yang melanda negeri-negeri di Pantai Timur sejak seminggu yang lalu telah membawa kepada usaha serta keprihatinan untuk menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

JTKSM bersama-sama JPP dan JHEKS telah bersatu mewujudkan *Rescue Team* bagi membantu kakitangan Jabatan yang berada di negeri-negeri berkenaan. Sebanyak 44 keluarga yang terlibat dengan banjir di JTK Kelantan dan 5 keluarga dari JTK Terengganu telah diberikan bantuan.



Barangan yang disumbangkan oleh warga kerja JTKSM

Putrajaya, 31 Disember – JTKSM telah menerima lawatan kerja dari delegasi antarabangsa dan lawatan ke luar negara untuk mempelajari amalan dasar perburuhan terbaik bagi mengukuhkan lagi hubungan di antara kedua-dua Negara.



Sesi Joint Task Force Untuk Mekanisma Penggajian Pekerja Bangladesh Secara Kerajaan Kepada Kerajaan



Lawatan kerja ke syarikat yang mengajikan OKU di Jepun



YBrs Encik Mohd. Jeffrey bin Joakim mempengerusikan mesyuarat di peringkat ASEAN.



Lawatan Delegasi Dari Vietnam Ke JTKSM

10

Perkara yang Sering Dibazirkan

HARTA

Dibazirkan kerana tidak dibelanjakan ke jalan Allah

AMALAN

Dibazirkan kerana tidak melakukannya dengan ikhlas.

ILMU

Dibazirkan kerana tidak mengamalkannya

HATI

Dibazirkan kerana tidak mengisi cinta kepada Allah dan Rasulullah

MASA

Dibazirkan dengan aktiviti tidak berfaedah

ZIKIR

Dibazirkan apabila tidak berkesan pada hati

KEPINTARAN

Dibazirkan kerana tidak berfikir tentang keajaiban makhluk ciptaan Allah

TUBUH BADAN

Dibazirkan kerana digerakkan bukan untuk ibadah.

CINTA

Dibazirkan kerana diisi selain cinta kepada Allah

KESIHATAN

Dibazirkan kerana tidak mensyukuri nikmat sihat sebelum sakit

Mutiara Kata

“Manfaatkan persamaan dan uruskan perbezaan; akan terhasilah keserasian dan keindahan”

* Sumbangan : Cik Munira Balkis binti Mohd Bakri,
Bahagian Penyelidikan & Perancangan, Ibu Pejabat JTKSM.

Ustaz Pahrol Mohamad Juoi